

KENYATAAN AKHBAR

YB SENATOR DATO' SRI SHAHRIZAT ABDUL JALIL MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT MENGENAI

PENGLIBATAN KANAK-KANAK DALAM PERHIMPUNAN HARAM

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat amat memandang serius akan tindakan pihak penganjur Gerakan Memansuhkan Akta Keselamatan Dalam Negeri melibatkan kanak-kanak dalam perhimpunan haram yang diadakan di Kuala Lumpur pada 1 Ogos 2009 sehingga menyebabkan kanak-kanak tertentu ditahan oleh pihak polis.

Tindakan yang dibuat oleh pihak penganjur adalah amat bertentangan dengan peruntukan undang-undang yang termaktub di dalam Akta Kanak-Kanak Tahun 2001. Akta Kanak-Kanak tidak membenarkan sebarang eksploitasi di buat oleh mana-mana pihak ke atas kanak-kanak. Penggunaan kanak-kanak dalam apa jua bentuk perhimpunan yang tidak sah boleh menyebabkan kanak-kanak tersebut didedahkan kepada bahaya.

Saya difahamkan bahawa seramai 44 kanak-kanak yang telah ditahan, kesemanya telah dilepaskan kepada keluarga masing-masing.

Saya ingin menegaskan bahawa menurut Akta Kanak-Kanak 2001 khususnya perenggan 31(1)(a), sekiranya seseorang yang mempunyai pemeliharaan seseorang kanak-kanak itu mendedahkan

kanak-kanak tersebut dengan cara yang mungkin akan menyebabkan kanak-kanak tersebut mengalami kecederaan fizikal, perlakuan itu adalah merupakan suatu kesalahan yang apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi RM20,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau kedua-duanya.

Oleh yang demikian, kanak-kanak yang dilibatkan itu adalah boleh ditakrif sebagai seorang kanak-kanak yang memerlukan 'pemeliharaan dan perlindungan' sebagaimana yang dimaksudkan di bawah perenggan 17(1)(i), Akta Kanak-Kanak 2001. Atas sebab itu, seseorang Pelindung boleh mengambil kanak-kanak tersebut ke dalam jagaan sementara seperti yang diperuntukkan dibawah seksyen 18, Akta Kanak-Kanak 2001. Pengambilan kanak-kanak tersebut dibawah peruntukkan seksyen 17 adalah dibuat atas dasar keselamatan dan kepentingan kanak-kanak tersebut dan tindakan ini adalah selaras dengan peruntukan undang-undang.

SHAHRIZAT ABDUL JALIL
2 Ogos 2009